

Permintaan Pelancong Belia Terhadap Ipoh Sebagai Destinasi Pelancongan Geopark Kebangsaan

Demand of Youth Tourists For Ipoh As A National Geopark Tourism Destination

Fatin Nur Izzati Binti Mohd Nizam
¹Habibah Ahmad

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: fatinzzati43@gmail.com,
¹ha@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kedudukan Ipoh di Lembah Kinta yang mempunyai pelbagai warisan sejarah dari aspek perlombongan, sejarah geologi dan kepelbagaian landskap semulajadi telah membuka laluan bagi Ipoh untuk menjadi salah satu destinasi geopelancongan yang boleh dimahsyurkan di kalangan pelancong terutamanya di kalangan belia. Pelancong belia mempunyai satu segmen pelancong yang signifikannya boleh dikembangkan malah turut berpotensi sebagai satu kepentingan yang boleh dijadikan sebagai satu penjana bagi peningkatan sektor pelancongan negara untuk lebih maju ke hadapan. Kajian ini berfokuskan kepada gelagat pelancong belia, penggunaan dan pengalaman pelancong belia terhadap kawasan Ipoh sebagai destinasi geopark. Data untuk kajian ini dikumpulkan melalui edaran borang soal selidik di kawasan geopark yang dipilih di Ipoh iaitu Taman Rekreasi Gunung Lang dan Taman Eko-Rimba Kledang Saiong. Hasil kajian mendapati kebanyakan pelancong belia berpuas hati dengan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan. Kajian ini mencadangkan pihak berkepentingan untuk mengkaji semula lokasi geopark yang perlu diurus agar boleh digunakan oleh pelancong, malahan promosi bagi lokasi geopark ini perlu diua-uarkan dengan lebih lagi pada pelbagai medium.

Kata kunci: *geopark, gelagat, pelancong belia, pengalaman, permintaan*

ABSTRACT

The location of Ipoh in the Kinta Valley that has a history of mining, geological history and natural landscape have paved the way to become one of the most sought destinations among tourists especially among the youth tourists. Youth tourism has a significant segment of tourism that can be expanded and potentially can serve as one of the country's tourism sector to move forward. This study focuses on the youth tourists' behaviour, the use and experience of youth tourists on Ipoh as a national geopark tourism destination. Data for this study were collected through questionnaires distributed in the selected geopark destinations which are Gunung Lang Recreational Park and Kledang Saiong Forest Eco Park. The results showed that most youth tourists are satisfied with the services and facilities provided. This study suggests the stakeholders to review others geopark locations that need to be maintained so that it can be used by tourists, not just that the promotion of these geopark locations should be more widely disseminated on various mediums.

Keywords: *geopark, behaviour, youth tourists, experience, demand*

1. Pengenalan

Aktiviti ekopelancongan dan geopelancongan adalah merupakan konsep pelancongan yang menyumbang kepada sektor ekonomi negara. Kedua-dua sektor ini juga saling berkait rapat dengan kawasan geopark. Geopark merupakan sektor yang boleh mendapat pengiktirafan di peringkat dunia daripada UNESCO. Geopark ini juga adalah merupakan satu konsep pembangunan yang memberikan keseimbangan kepada tiga komponen utama iaitu kepentingan pemuliharaan sumber asli khususnya sumber bagi geowarisan, pembangunan infrastruktur untuk pelancongan dan aktiviti sosioekonomi yang dapat memberi keuntungan kepada masyarakat setempat kerana wujudnya para pelancong yang datang untuk melancong.

Menurut Abdul Latiff dan Norhayati (2010), di dalam konteks geopark di Malaysia adalah merupakan usaha dalam mengurus sumber biologi, geologi dan sosioekonomi secara terintegrasi. Mereka turut menjelaskan bahawa penubuhan geopark ini kelak akan menawarkan pelbagai peluang bagi pelancongan aestetik, rekreasi, pendidikan dan penyelidikan malahan turut mencari rezeki bagi penduduk tempatan. Di dalam kajian mereka juga diperkatakan bahawa usaha masih perlu dipertingkatkan agar sumber dari kepelbagaian biologi ini dapat dimanfaatkan terutamanya bagi industri ekopelancongan.

Terdapat beberapa tempat yang berpotensi dan sedang diusahakan bagi mendapat pengiktirafan sebagai geopark untuk dibangunkan. Antaranya termasuklah Lembah Kinta, Tasik Kenyir, Gunung Kinabalu dan Delta Sarawak. Tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia ini mempunyai banyak lokasi yang mempunyai pelbagai warisan geologi, biodiversiti, arkeologi, sejarah, kesenian dan warisan orang hidup yang merupakan elemen-elemen penting dalam pembangunan geopark dan seterusnya dapat menyumbang kepada sektor pelancongan. Ipoh yang berada di dalam kawasan Lembah Kinta juga adalah merupakan salah satu lokasi yang sedang diusahakan bagi mendapat pengiktirafan sebagai geopark global daripada UNESCO. Bandar Ipoh adalah merupakan sebuah bandaraya dan ibu negeri bagi negeri Perak yang kini sedang berkembang dari segi pembangunan dan kemajuan. Kedudukan Ipoh di Lembah Kinta yang mempunyai pelbagai warisan sejarah dari aspek perlombongan, sejarah geologi dan kepelbagaian landskap semulajadi telah membuka laluan bagi Ipoh untuk menjadi salah satu destinasi geopelancongan yang boleh dimahsyurkan dikalangan pelancong tempatan dan antarabangsa terutamanya di kalangan belia.

Dalam laporan awal kajian cadangan pembangunan Geopark Lembah Kinta (2016) yang disediakan oleh pasukan kerja Geologi Warisan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Perak juga menyatakan bahawa Lembah Kinta mempunyai banyak sumber warisan geologi dan warisan budaya yang memenuhi sebahagian besar keperluan untuk dinobatkan sekurang-kurangnya sebagai sebuah geopark kebangsaan kerana mempunyai kepelbagaian landskap semulajadi yang unik serta nilai sejarah geologi dan saintifik yang tinggi. Kawasan Geopark Lembah Kinta juga telah dimasyhurkan sebagai Geopark Kebangsaan oleh DYMM Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah pada Oktober 2018 (www.perak.gov.my).

Melalui penubuhan Geopark di Lembah Kinta ini diharapkan ianya dapat menarik minat para belia yang suka dan gemar akan aktiviti yang lasak. Hal ini kerana, pelancongan belia adalah merupakan salah satu sektor pelancongan yang kini kian berkembang.

2. Tinjauan Karya Lepas

Dalam kajian, dua perkara penting dalam tinjauan karya lepas, iaitu Geopark dan pelancong belia. Menurut Maria & Jose (2017), elemen dalam Geopark ini akan memupuk pembangunan mampan ekonomi masyarakat tempatan melalui promosi geopelancongan dan pendidikan adalah merupakan cara untuk memastikan kelestarian global. Bukan itu sahaja, menurut mereka, perkhidmatan kebudayaan, saintifik, pendidikan dan kegunaan pelancong

atau rekreasi adalah antara aktiviti yang sedang dilaksanakan di wilayah yang dikenali sebagai geopark. Dengan kata lain, geopark merupakan cara inovatif bagi pemuliharaan alam, perancangan guna tanah, dan pembangunan mampan masyarakat setempat.

Sophie (2018), berpendapat bahawa *UNESCO Global Geoparks* (UGGps) telah mencadangkan aktiviti geopelancongan sebagai satu aktiviti di dalam menambah ilmu pengetahuan umum tentang geosains, malah mempromosikan wilayah geo, tapak budaya dan kawasan serantau. Bagi memastikan keberhasilan geopark tersebut, target orang awam sebagai pelancong turut perlu diambil kira. Sementara itu, Johan Afendi I dan Mohamad Zaki (2008) mendalami kesan penubuhan geotaman Langkawi terhadap pelancongan. Antara kesan positif yang berlaku adalah dengan wujudnya lebih ramai kemasukan pelancong ke Langkawi dan Malaysia, mewujudkan lebih banyak peluang ekonomi kepada penduduk tempatan, penyediaan infrastruktur dan kemudahan yang berkualiti kepada penduduk dan pelancong, pemeliharaan kawasan semulajadi dan pemeliharaan warisan kebudayaan penduduk.

Abdul Latiff Mohamad dan Norhayati Ahmad (2010) pula membincangkan kekayaan sumber geologi dan biologi yang terdapat di Langkawi serta isu pemuliharaannya dan pembangunan bagi ekopelancongan. Penubuhan Geopark ini juga menawarkan pelbagai peluang pelancongan aestetik, rekreasi, pendidikan dan penyelidikan di samping menjadi salah satu punca bagi penduduk tempatan untuk mencari rezeki.

Dalam pada itu, Laporan Awal Kajian Cadangan Pembangunan Geopark Lembah Kinta, menjelaskan bahawa Lembah Kinta di negeri Perak kaya dengan perbukitan kars unik yang mempunyai sejarah perlombongan, sejarah geologi dan kepelbagaian landskap semulajadi. Bukan itu sahaja, melalui geopark ini ianya dapat menjadikan bandaraya Ipoh sebagai laluan geopelancongan yang boleh dimasyhurkan dikalangan pelancong tempatan dan antarabangsa. Malahan, geopark ini memiliki sumber-sumber geologi dan geotapak yang mempunyai nilai warisan saintifik dan estetik yang tinggi. Laporan awal ini turut menyenaraikan beberapa kawasan yang berpotensi sebagai geotapak, tapak warisan budaya/sejarah/biodiversiti dan potensi produk setempat bagi kawasan bandaraya Ipoh.

Sementara itu pola pelancong belia turut mendapat perhatian sarjana pelancongan tempatan. Menurut Zurina et al. (2016), pola pelancongan belia lebih teratur, mempunyai segmen, tersusun dan sistematik serta mempunyai perancangan dan pelaksanaan yang telus. Pelancong belia kebanyakannya memilih untuk meneroka tempat baru, berseronok sambil membeli-belah serta berbelanja sewaktu melancong mengikut peruntukan perbelanjaan yang telah ditetapkan. Kajian ini turut mencadangkan pengkajian semula pulangan dan kesan positif yang diberikan oleh pelancong belia kepada sektor pelancongan negara kerana masih mempunyai kekurangan dalam menyokong pertumbuhan segmen pelancong belia. Selain itu, antara tipologi ciri-ciri pelancong belia adalah pelancong belia seharusnya aktif dan dianggarkan dalam lingkungan 15-25 tahun, citarasa hedonistic, corak penggunaan dan pembelanjaan secara ekonomik, golongan belia berupaya menjadi kumpulan pertama untuk melawat tempat dan tarikan baru, kepuasan pelancong belia dapat dilihat dengan potensi pembelian barangan (Habibah et al. 2007).

Mohamed, Shida dan Lau (2010) mendapati bahawa golongan belia mempunyai minat yang tinggi dalam melawat kawasan ekologi dan semula jadi, bersiar-siar di bandar, melawat taman dan membeli belah. Kedua-dua aktiviti pelancongan alternatif dan pelancongan bandar boleh dilakukan dengan lebih banyak untuk menarik minat pelancong muda. Sementara itu Lim et al. (2015) mendapati corak perbelanjaan pelancong belia adalah berdasarkan tujuan perjalanan mereka ke destinasi tersebut. Keutamaan dalam membelanjakan duit ketika melakukan percutian adalah dengan membelanjakan duit ke atas makanan dan minuman, membeli belah serta melakukan aktiviti rekreasi. Hasil kajian telah

menunjukkan betapa pentingnya pelancong belia dalam industri pelancongan Malaysia serta menjadi penyumbang terhadap pertumbuhan industri ini pada masa akan datang.

Richards dan Wilson (2003) mengatakan bahawa penerokaan budaya lain, rasa keseronokan dan memperoleh pengetahuan merupakan motif utama pelancong belia melakukan pelancongan. Menurut Claudia (2010), antara konsep pelancongan yang dilakukan oleh pelancong belia adalah pelancongan berbentuk pendidikan, program sukarelawan, program kerja dan melancong, pertukaran budaya dan juga pelancongan pengembaraan.

3. Metod Kajian

Kajian ini dijalankan pada tahun 2020 dengan menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengenal pasti gelagat pelancong belia, penggunaan dan pengalaman pelancong belia serta hubungkait terhadap Ipoh sebagai destinasi pelancongan geopark kebangsaan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk deskriptif yang dianalisis menggunakan 5 skala likert sebagai asas kajian serta menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang melibatkan seramai 275 responden. Satu set soal selidik telah diedarkan bagi mendapatkan hasil kajian dan menjawab soalan penyelidikan. Soalan soal selidik ini dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian A = Data Demografi Responden bagi pelancong belia, bahagian B = Pola Kunjungan, bahagian C = Gelagat Pelancong Belia, dan bahagian yang terakhir iaitu Bahagian D = Penggunaan dan Pengalaman Belia terhadap Ipoh sebagai destinasi Geopark. Pemprosesan data dilaksanakan dengan menggunakan sistem perisian SPSS yang merupakan singkatan terhadap *Statistical Package for Social Sciences* versi 23.0 dan analisis data adalah menggunakan statistik deskriptif iaitu min dan frekuensi serta analisis inferensi iaitu korelasi pearsons.


3.1 Responden Kajian

Kajian ini dilaksanakan ke atas pelancong belia yang datang ke kawasan geopark yang telah dipilih iaitu 2 kawasan kajian yang berbeza di Taman Rekreasi Gunung Lang Ipoh dan Taman Eko-Rimba Kledang Saiong. Responden yang terlibat mempunyai pelbagai latar belakang demografi dan perbezaan dari segi umur, jantina, taraf pendidikan dan asal mereka.

3.2 Kerangka konseptual

Kerangka kajian ditunjukkan dalam Rajah 1 ini berfungsi untuk memberi gambaran berkaitan kerangka kerja konsep kajian yang dijalankan. Terdapat enam komponen bagi gelagat pelancong belia yang akan ditekankan dan empat elemen bagi penggunaan dan pengalaman belia terhadap ipoh sebagai destinasi geopark. Perkara ini dilihat berdasarkan hasil akhir iaitu hubungkaitan antara dua perkara ini.

Terdapat enam gelagat pelancong belia ketika melakukan pelancongan. Antara komponen yang pertama adalah pelancong belia adalah individu yang peka terhadap kesihatan fizikal sama ada mengamalkan hidup yang sihat, gemar akan aktiviti lasak serta berehat dan beriadah apabila mempunyai kelapangan. Seterusnya, pelancong belia juga mempunyai minat yang tersendiri iaitu dengan melawat kawasan ekologi dan semulajadi,



RAJAH 1 Kerangka konseptual kajian

meneroka tempat baru dan juga mempunyai citarasa hedonistik. Bukan itu sahaja, golongan belia juga adalah golongan yang mementingkan perbelanjaan sama ada mengamalkan perbelanjaan ekonomik, bajet yang ketat ketika melancong atau sentiasa mempunyai kesediaan untuk berbelanja. Manakala, komponen seterusnya yang ditekankan adalah pelancong belia bergelagat sebagai individu yang sentiasa mencari ilmu baru dan memanfaatkan peluang pembelajaran formal dan tidak formal di dalam luar persekitaran. Tambahan lagi, kesanggupan belia untuk membayar sebarang aktiviti bagi menikmati percutian tersebut. Akhir sekali, komponen yang dipilih juga adalah pelancong belia mementingkan penggunaan peralatan yang sempurna.

Seterusnya, elemen yang akan diberikan perhatian adalah penggunaan dan pengalaman belia terhadap Ipoh sebagai destinasi geopark yang mempunyai empat elemen berlainan. Elemen pertama adalah dari aspek aktiviti yang wujud di kawasan geopark. Aktiviti fizikal ini akan menjadi tarikan kepada para pelancong. Elemen yang seterusnya pula adalah aspek keperluan sekunder yang berfokuskan kepada penginapan, pengangkutan, maklumat dan makan minum pelancong belia. Ketiga adalah elemen pengalaman, semasa belia melakukan aktiviti pelancongan iaitu pengalaman daripada hiburan, pendidikan, estetiska dan eskapisme. Gelagat pelancong belia serta penggunaan dan pengalaman belia terhadap Ipoh sebagai destinasi geopark ini diperkuatkan lagi dengan penelitian hubungkaitan antara komponen-komponen tersebut.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Demografi Responden

Kajian ini terdiri daripada 275 responden yang merupakan pelancong belia yang melancong di antara dua kawasan geopark iaitu Taman Rekreasi Gunung Lang yang mempunyai 172 responden dan Taman Eko-Rimba Kledang Saiong yang mempunyai 103 responden. Responden perempuan iaitu 61.8% lebih tinggi daripada responden lelaki iaitu 38.2%. Kebanyakan responden berumur 21-25 tahun iaitu sebanyak 143 responden, diikuti dengan 15-20 tahun (95 responden), 26-30 tahun (30 responden), 31-35 tahun (4 responden) serta 36-40 tahun seramai 3 responden. Dari segi etnik, belia Melayu mencatatkan bilangan responden paling ramai iaitu sebanyak 233 responden, diikuti belia kaum Cina (28 responden) dan kaum India seramai 14 responden.

Berdasarkan tahap pendidikan, sebanyak 23.3% berada di tahap Sijil Pelajaran Malaysia, Diploma sebanyak 33.1%, Ijazah Sarjana Muda sebanyak 43.3% dan hanya satu responden bersamaan 0.4% yang berada di tahap Ijazah Sarjana/Ph.D. Bagi pekerjaan pula, kebanyakan responden adalah pelajar iaitu 70.2%, seterusnya belia yang bekerja di swasta (13.5%), kerajaan (7.3%), responden bekerja sendiri (6.2%) dan yang tidak bekerja sebanyak 2.9%. Kebanyakan responden masih bujang (88.7%) dan yang berkahwin hanya 11.3%. Dari segi tempat, responden paling tinggi berasal dari Perak (50.9%), diikuti Selangor (18.2%), Johor Bahru (5.1%), Kuala Lumpur dan Kedah mempunyai peratusan yang sama iaitu 4.7%, Melaka dan Pulau Pinang turut mempunyai bilangan peratusan yang sama (4.4%), diikuti Pahang (2.9%), Negeri Sembilan (2.2%), Terengganu (1.5%) dan Perlis (1.1%).

JADUAL 1. Latar Belakang Demografi Relancong Belia

Butir-butir	Kekerapan	Peratusan %
Lelaki	105	38.2
Perempuan	170	61.8
15-20 Tahun	95	34.5
21-25 Tahun	143	52.0
26-30 Tahun	30	10.9
31-35 Tahun	4	1.5
36-40 Tahun	3	1.1
Melayu	233	84.7
Cina	28	10.2
India	14	5.1
SPM	64	23.3
Diploma	91	33.1
Ijazah Sarjana Muda	119	43.3
Ijazah Sarjana/Ph.D	1	.4
Kerajaan	20	7.3
Swasta	37	13.5
Bekerja Sendiri	17	6.2
Pelajar	193	70.2
Tidak Bekerja	8	2.9
Berkahwin	31	11.3
Bujang	244	88.7
Perak	140	50.9
Selangor	50	18.2
Melaka	12	4.4
Kuala Lumpur	13	4.7
Kedah	13	4.7
Terengganu	4	1.5
Pahang	8	2.9
Johor Bahru	14	5.1
Perlis	3	1.1
Pulau Pinang	12	4.4
Negeri Sembilan	6	2.2

Sumber: Kajian Lapangan, 2020.

4.2 Pola Kunjungan

Semasa di Geopark Ipoh, para belia telah mengunjungi beberapa destinasi (Jadual 2). Tempat utama dilawati ialah Taman Rekreasi Gunung Lang iaitu 37.3% (220 responden), diikuti Taman Eko-Rimba Kledang Saiong sebanyak 17.5%, Pekan Lama Ipoh (14.1%), Lata Ulu Chepor (12.5%), Gugusan Gunung Rapat (5.6%), Hutan Lipur Ulu Kinta (3.6%), Gunung Panjang (Gua Tambun) (3.4%), Gunung Tasek (Perak Tong) dan Muzium Geologi yang mempunyai peratusan yang sama iaitu 2.9% dan Gunong Datok yang mempunyai 0.3%. Hal ini menunjukkan bahawa Taman Rekreasi Gunung Lang sangat terkenal dan tidak asing lagi kepada pengunjung. Walau bagaimanapun masih banyak lagi tempat yang berpotensi menjadi kawasan geopark kurang dikunjungi atas faktor kurangnya pendedahan dan promosi.

Semasa di Ipoh juga, pilihan penginapan utama adalah di hotel (54.9%), manakala paling rendah adalah di resort bersamaan 1.1%, homestay (12.7%), rumah saudara (8.4%), rumah rakan (6.9%), dan tidak bermalam pula bersamaan dengan 16%. Hotel merupakan pilihan utama kerana di Ipoh terdapat banyak pilihan, dan reke bentuk hotel unik dan menarik serta murah untuk diduduki berbanding pilihan penginapan lain. Para belia lebih banyak menggunakan kenderaan persendirian iaitu seramai 264 responden, hanya 11 responden yang menggunakan kenderaan awam/sewa. Ini kerana tidak banyak pengangkutan awam melalui kawasan geopark, justeru, menyukarkan pelancong mahupun pengunjung untuk berkunjung menggunakan kenderaan awam. Kebanyakan responden berkunjung ke destinasi Geopark dengan kawan-kawan iaitu sebanyak 52.7%, diikuti keluarga bersamaan 45.5% dan berseorangan hanya sebanyak 1.8%.

JADUAL 2. Pola Kunjungan

	Kekerapan	Peratus %
Hotel	151	54.9
Resort	3	1.1
Homestay	35	12.7
Rumah saudara	23	8.4
Rumah rakan	19	6.9
Tidak bermalam	44	16.0
Kenderaan persendirian	264	96.0
Kenderaan awam/sewa	11	4.0
Berseorangan	5	1.8
Keluarga	125	45.5
Kawan-kawan	145	52.7
Taman Rekreasi Gunung Lang	220	37.3
Taman Eko-Rimba Kledang Saiong	103	17.5
Lata Ulu Chepur	74	12.5
Gunong Datok	2	.3
Gunung Panjang (Gua Tambun)	20	3.4
Gugusan Gunung Rapat	33	5.6
Gunung Tasek (Perak Tong)	17	2.9
Pekan Lama Ipoh	83	14.1
Muzium Geologi	17	2.9
Hutan Lipur Ulu Kinta	21	3.6

Sumber: Kajian Lapangan, 2020.

4.3 *Gelagat pelancong belia*

Gelagat pelancong belia mempamerkan gaya dan pilihan pelancong belia di Geopark Ipoh. Hasil kajian mendapati pelancong belia amat mementingkan rehat yang mencukupi dengan meluangkan masa untuk menjaga kesihatan fizikal pada tahap min yang tinggi iaitu 4.16, diikuti dengan mengamalkan gaya hidup yang sihat pada min 4.13 (Jadual 3). Walau bagaimanapun, kebanyakan belia kurang mengamalkan pemakanan yang seimbang apabila mendapat tahap min yang rendah berbanding yang lain iaitu 3.90. Namun secara keseluruhannya menunjukkan golongan belia mementingkan penjagaan kesihatan fizikal.

JADUAL 3. Gelagat pelancong belia

Komponen	Min	S.p
Komponen 1: Kesihatan Fizikal		
Saya mengamalkan gaya hidup sihat.	4.13	0.573
Saya suka melakukan aktiviti lasak untuk mengekalkan kecergasan tubuh badan.	4.08	0.782
Saya meluangkan masa untuk berehat secukupnya.	4.16	0.593
Saya sering beriadah pada waktu lapang.	3.97	0.792
Saya mengamalkan pemakanan yang seimbang.	3.90	0.719
Komponen 2: Minat		
Saya melawat kawasan ekologi dan semulajadi.	3.99	0.662
Saya suka meneroka tempat dan kawasan baru.	4.19	0.615
Saya mempunyai citarasa hedonistik iaitu mementingkan keseronokan.	4.01	0.759
Saya sering melakukan aktiviti pengembaraan dan perkhemahan.	3.72	0.927
Saya cenderung untuk membeli belah sewaktu melancong.	3.81	0.911
Komponen 3: Perbelanjaan		
Saya mengamalkan perbelanjaan secara ekonomik.	3.99	0.636
Saya mempunyai bajet yang ketat dan terkawal ketika melakukan aktiviti pelancongan.	3.79	0.792
Saya sentiasa mempunyai kesediaan untuk berbelanja.	4.12	0.665
Saya melakukan perbelanjaan yang tidak melebihi pendapatan saya.	4.02	0.744
Saya sering melakukan perbelanjaan mengikut keperluan dan bukan kehendak.	3.95	0.831
Komponen 3: Ilmu Pengetahuan		
Saya sentiasa bersedia untuk melakukan penemuan baru.	4.07	0.594
Saya menyiapkan diri dengan pelbagai pengetahuan.	4.01	0.631
Saya memanfaatkan peluang pembelajaran formal dan tidak formal di dalam luar persekitaran biasa.	4.01	0.631
Saya berminat untuk mengetahui bagaimana terbentuknya landskap bumi.	4.01	0.651
Saya ingin mendalami bagaimana masyarakat memulihara alam sekitar.	4.09	0.615
Komponen 4: Kesanggupan untuk membayar		
Saya tidak kisah jika aktiviti yang dilakukan perlu dibayar.	3.81	0.740
Saya sanggup bayar harga yang tinggi bagi aktiviti yang saya suka lakukan.	3.61	0.95
Saya lebih selesa membayar jika aktiviti tersebut tidak terlalu mahal.	4.05	0.716
Saya merasakan bahawa pembayaran tambahan bagi tujuan konservasi alam adalah tidak mengapa	3.83	0.768
Saya berpendapat bahawa bayaran bagi penambahbaikan utiliti dari segi keselamatan dan kegunaan pengunjung adalah tidak mengapa.	4.04	0.719
Komponen 5: Peralatan		
Saya mempunyai peralatan sukan sendiri bagi aktiviti yang saya laksanakan.	3.65	0.982
Saya menyewa peralatan dan keperluan yang disediakan di kawasan geopark.	3.62	0.885
Saya mementingkan keselamatan peralatan untuk melakukan aktiviti.	4.24	0.527
Saya berpendapat bahawa sesuatu peralatan itu mesti di dalam tahap kondisi yang optimum.	4.23	0.639
Saya mementingkan penggunaan peralatan yang mencukupi.	4.19	0.565

(N=275) Sumber: Kajian Lapangan, 2020.

Bukan itu sahaja, pelancong belia telah menunjukkan bahawa mereka amat mementingkan keselamatan ketika melakukan aktiviti dengan mendapat tahap min yang paling tinggi iaitu 4.24 pada pernyataan saya mementingkan keselamatan peralatan untuk melakukan aktiviti dan diikuti dengan min 4.23 yang mengatakan bahawa sesuatu peralatan itu mestilah berada di tahap kondisi yang optimum sebelum digunakan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelancong belia amat mementingkan keselamatan terutamanya jika aktiviti tersebut memerlukan alatan untuk digunakan. Manakala bagi tahap min yang sederhana iaitu min 3.61 dengan pernyataan saya sanggup bayar harga yang tinggi bagi aktiviti yang saya suka lakukan menunjukkan bahawa pelancong belia kurang menggemari jika terpaksa bayar harga yang tinggi untuk aktiviti yang ingin dilakukan. Hasil kajian juga menunjukkan, golongan pelancong belia lebih gemar mengamalkan perbelanjaan yang bersifat ekonomik walaupun mereka sentiasa bersedia untuk melakukan perbelanjaan pada bila-bila masa asalkan ianya tidak melebihi pendapatan mereka.

Hasil analisis mendapati bahawa gelagat pelancong belia adalah merupakan salah satu ukuran kepada pemilihan corak pelancongan. Hal ini kerana pemilihan pelancongan bagi belia akan menentukan destinasi pilihan percutian mereka. Min yang berada pada tahap yang tinggi adalah pada komponen kesihatan fizikal, minat, perbelanjaan, dan ilmu pengetahuan.

Sementara itu aktiviti yang dilakukan oleh pelancong ketika berada di geopark tersebut (Jadual 4). Hasil kajian mendapati belia menggemari aktiviti bersiar-siar di kawasan rekreasi yang menarik pada tahap min 4.34, diikuti melakukan aktiviti riadah menggunakan kemudahan asas yang ada di kawasan dan melihat pelbagai jenis flora dan fauna yang menarik pada min 4.30, para pelancong belia menaiki bot yang disewakan kepada pengunjung di Ipoh pada min 4.15, seterusnya melihat nilai arkeologi serta nilai saintifik berasaskan kewujudan gunung pada min 4.1. Bukan itu sahaja, para pelancong belia juga dapat melakukan aktiviti dan perjumpaan di tapak khemah khas serta melakukan aktiviti sukan ekstrem seperti wall climbing, flying fox dan papan gantung.

JADUAL 4. Aktiviti di Geopark

Komponen	Min	S.p
Komponen 1: Aktiviti		
Saya bersiar-siar di kawasan rekreasi yang menarik.	4.34	0.56
Saya melakukan aktiviti riadah menggunakan kemudahan asas yang ada di kawasan.	4.30	0.56
Saya melihat nilai arkeologi serta nilai saintifik berasaskan kewujudan gunung.	4.10	0.726
Saya menyertai aktiviti dan perjumpaan di tapak perkhemahan khas	3.78	0.882
Saya melakukan aktiviti sukan ekstrem seperti wall climbing, flying fox, dan papan gantung.	3.79	0.993
Saya menaiki bot yang disewakan kepada pengunjung.	4.15	0.732
Saya melihat pelbagai jenis flora dan fauna yang menarik.	4.30	0.621

Sumber: Kajian Lapangan, 2020.

Bagi pengalaman pelancong belia, kajian ini meneliti dalam 4 komponen iaitu yang hiburan, pendidikan, estetika dan eskapisme (Jadual 5). Bagi aspek ini, semua min berada di tahap yang tinggi. Pengalaman yang pertama iaitu hiburan telah menunjukkan bahawa pelancong belia menikmati pelbagai jenis hiburan bersama keluarga mahupun rakan yang mendapat min 4.35, diikuti dengan pelancong merasakan hiburan yang wujud dapat

memberikan kepuasan yang maksimum pada min 4.14. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa golongan belia mementingkan pengalaman yang dapat memberikan hiburan di kawasan geopark. Dari sudut pendidikan pula, menunjukkan bahawa pelancong belia sedar akan keperluan kawasan geopark untuk dipulihara dengan memperolehi min 4.12, manakala min yang terendah pula adalah memperolehi penemuan baru di lokasi geopark iaitu pada min 3.89. Perkara ini menunjukkan bahawa pelancong belia sedar akan kepentingan dan kewujudan kawasan geopark untuk dipulihara secara berterusan bagi memastikan kawasan geopark terjaga.

JADUAL 5. Pengalaman Ipoh sebagai destinasi Geopark: Pengalaman (N=275)

Komponen Pengalaman	Min	S.p
Hiburan		
Saya menikmati pelbagai jenis hiburan bersama keluarga mahupun rakan.	4.35	0.561
Saya berpendapat bahawa hiburan yang disediakan adalah dengan harga yang berpatutan.	4.17	0.64
Saya memperolehi manfaat atas hiburan yang ditawarkan.	4.16	0.609
Saya merasakan bahawa hiburan yang wujud dapat memberikan kepuasan yang maksimum.	4.14	0.696
Saya menyukai konsep hiburan yang disediakan di kawasan pelancongan.	4.18	0.691
Pendidikan		
Saya memperolehi penemuan baru di lokasi geopark.	3.89	0.704
Saya menambahkan pengetahuan mengenai konservasi kawasan.	3.98	0.619
Saya dapat meneroka tempat yang dapat dijadikan sebagai tempat penyelidikan.	4.01	0.659
Saya sedar akan keperluan kawasan geopark untuk dipulihara.	4.12	0.64
Saya dapat menambah ilmu di dalam bidang geologi dan sosiologi.	4.03	0.686
Estetika		
Saya menikmati keindahan yang wujud di kawasan pelancongan geopark.	4.20	0.529
Saya mendalami proses imaginasi dan kreativiti diri.	4.13	0.632
Saya meningkatkan rasa cinta dan apresiasi diri terhadap alam.	4.45	0.57
Saya mempunyai cita rasa dari segi aktiviti yang sangat tepat dengan kewujudan geopark di Ipoh.	4.09	0.612
Saya berpendapat wujudnya keharmonian.	4.14	0.565
Eskapisme		
Saya memperolehi ketenangan ketika bercuti di geopark.	4.21	0.572
Saya dapat berehat daripada realiti sebenar.	4.22	0.559
Saya menghindarkan diri daripada masalah dengan melakukan percutian.	4.19	0.6
Saya mencari kedamaian dengan bercuti.	4.29	0.575
Saya berpendapat pelancongan di geopark memberi ketenteraman jiwa.	4.20	0.626

Sumber: Kajian Lapangan, 2020.

Aspek seterusnya adalah estetika yang berada di tahap min yang tinggi pada 4.45 iaitu pada pernyataan 'saya meningkatkan rasa cinta dan apresiasi diri terhadap alam', manakala pernyataan 'saya mempunyai cita rasa dari segi aktiviti yang sangat tepat dengan kewujudan geopark di Ipoh' menunjukkan tahap min 4.09 yang rendah berbanding pernyataan min yang

lain. Dari sudut eskapisme pula, pelancong belia gemar melakukan percutian untuk mencari kedamaian pada tahap min 4.29, diikuti dengan untuk berehat daripada realiti sebenar pada tahap min 4.22. Hal ini menunjukkan bahawa para pelancong belia memilih untuk melakukan percutian untuk berehat dan mendapatkan ketenangan bagi memperolehi ketenangan jiwa.

4.4 *Hubungkait Gelagat dan Penggunaan & Pengalaman Belia terhadap Ipoh sebagai Destinasi Geopark*

Berdasarkan Jadual 6 menunjukkan keputusan ujian korelasi Pearson antara dua pembolehubah iaitu Gelagat Pelancong Belia dengan Penggunaan dan Pengalaman Belia terhadap Ipoh sebagai Destinasi Geopark. Korelasi Pearson digunakan bagi menunjukkan sama ada wujudnya hubungkait antara dua pembolehubah yang dipilih. Jadual 8 menunjukkan ujian korelasi signifikan pada $p = 0.000$, yang kurang daripada 0.01, iaitu $p < 0.01$, maka ianya menunjukkan wujudnya hubungan signifikan antara gelagat pelancong belia dengan penggunaan dan pengalaman belia terhadap Ipoh sebagai destinasi Geopark. Kekuatan hubungan korelasi pearson turut boleh dilihat apabila nilai $r = 0.660$ menunjukkan korelasi yang positif yang berada pada tahap tinggi. Hal ini telah membuktikan bahawa wujudnya hubungan antara gelagat pelancong belia dan penggunaan dan pengalaman belia terhadap Ipoh sebagai destinasi geopark. Maka ianya menunjukkan gelagat pelancong belia akan memberi kesan dan impak dengan pemilihan penggunaan dan pengalaman belia terhadap lokasi geopark di Ipoh.

JADUAL 6. Keputusan ujian korelasi gelagat pelancong belia dengan penggunaan dan pengalaman di Geopark Ipoh

		Gelagat Pelancong Belia	Penggunaan dan Pengalaman Belia terhadap Ipoh sebagai Destinasi Geopark
Gelagat Pelancong Belia	Korelasi Pearson	1	.660**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	275	275
Penggunaan Dan Pengalaman Belia Terhadap Ipoh Sebagai Destinasi Geopark	Korelasi Pearson	.660**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	275	275

** . Korelasi signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

Sumber: Kajian Lapangan, 2020.

5. Rumusan

Secara keseluruhan kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti sama ada kawasan Geopark Ipoh yang telah mendapat pengiktirafan sebagai Geopark kebangsaan berpotensi untuk menjadi salah satu kawasan pelancongan yang baru di Ipoh, Perak. Hal ini adalah kerana bentuk muka bumi dan keadaan kawasan di geopark secara umumnya sangat sesuai kepada individu yang berminat untuk melakukan aktiviti yang lasak malahan untuk menikmati alam sekitar sekalipun. Bukan itu sahaja, geopark yang mempunyai signifikan untuk dijadikan sebagai kawasan pelancongan adalah sangat sesuai untuk menarik pelancong terutamanya pelancong belia untuk berkunjung dan melakukan aktiviti di kawasan tersebut.

Pelancong belia merupakan golongan yang mementingkan kesihatan fizikal malahan mempunyai minat untuk meneroka kawasan baru yang mempunyai unsur ekologi dan semulajadi. Hal ini dapat menjadi salah satu kekuatan untuk menjadikan kawasan geopark sebagai lokasi pelancongan kepada golongan belia yang sememangnya aktif dan suka melakukan aktiviti lasak untuk mengekalkan kecergasan tubuh badan. Walau bagaimanapun, golongan pelancong belia memilih untuk mengamalkan perbelanjaan secara ekonomik dan tidak melebihi pendapatan mereka, perkara ini tidak akan menjadi halangan kepada potensi kawasan geopark kerana aktiviti yang hendak dijalankan di kawasan geopark tidak memerlukan pengeluaran wang yang banyak. Malahan, mereka hanya perlu membayar tiket masuk yang murah mengikut peringkat umur.

Selain itu, Ipoh menyediakan pelbagai aktiviti untuk pelancong belia. Ini membuka peluang yang tinggi sebagai destinasi keutamaan belia kerana sifat belia yang sememangnya suka melakukan aktiviti. Pengalaman di Geopark Ipoh yang tidak akan diperolehi di kawasan lain menyebabkan destinasi ini menjadi destinasi untuk kunjungan semula.

Kawasan yang berpotensi untuk menarik minat pelancong belia adalah di kawasan Taman Rekreasi Gunung Lang, Taman Eko-Rimba Kledang Saiong, Pekan Lama Ipoh dan Lata Ulu Chepur. Umumnya, kawasan ini menawarkan aktiviti untuk beriadah dan mandi-manda kepada pengunjung. Walau bagaimanapun, lokasi geopark yang lain pula masih memerlukan penambahbaikan bagi memastikan kesesuaian untuk melakukan aktiviti dan menerima pengunjung kerana masih ada lokasi yang tidak sesuai untuk dilawati atas faktor-faktor tertentu. Bukan itu sahaja, kewujudan kawasan geopark di Ipoh perlu diuar-uarkan dengan lebih meluas di pelbagai medium kerana ia akan memberikan pendedahan kepada para pelancong terutamanya golongan belia yang gemar melakukan aktiviti lasak dan mencabar serta dan melancong ke kawasan baru.

Secara kesimpulannya, Ipoh sebagai Geopark Kebangsaan akan menjadi sebuah destinasi pelancongan yang menarik yang dapat menawarkan pengalaman kepada para pelancong belia. Sehubungan itu, pihak yang bertanggungjawab dalam pemuliharaan kawasan geopark perlu mencari inisiatif dan mempertingkatkan promosi sebagai geopark kebangsaan. Kawasan geopark tersebut juga perlu dinaiktaraf kemudahannya dan dipulihara agar ia sesuai untuk para belia mahupun pelbagai segmen pengunjung. Langkah proaktif yang mesra belia akan membolehkan Ipoh menjadi pilihan destinasi pelancongan dan Geopark secara keseluruhannya.

Rujukan

- Abdul Latiff Mohamad & Norhayati Ahmad. (2010). Pemuliharaan dan kepelbagaian biologi untuk pembangunan ekopelancongan di Langkawi Geopark. *Akademika* 80 (Disember): 31-38
- Badaruddin Mohamed, Shida Irwana Omar & Lau Pei Mey. (2010). Malaysian youth tourism market: A lucrative but overlooked tourist segment. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 3, 1-21.
- Bernama. (2018). Sultan Nazrin masyhur Lembah Kinta sebagai Geopark Kebangsaan. *Astro Awani*, 25 Oktober 2018.
- Claudia Ilimpia Moisa. (2010). Aspects of the youth travel demand. *Annales Universitatis Apulensis Series Oeconomica*, 12 (2): 575-582
- Johan Afendi Ibrahim & Mohamad Zaki Ahmad (tt). Penubuhan geotaman Langkawi: kesan kepada industri pelancongan Langkawi. [https://www.academia.edu/35523359/ Penubuhan_Geotaman_Langkawi_Kesan_Kepada_Industri_Pelancongan_Langkawi](https://www.academia.edu/35523359/Penubuhan_Geotaman_Langkawi_Kesan_Kepada_Industri_Pelancongan_Langkawi)
- Lim Khong Chiu, Kamal Izzuwan Ramli, Noor Suhaila Yusof & Cheah Swee Ting. (2015). Examining young Malaysians travel behaviour and expenditure patterns in domestic tourism. *Asian Social Science*; 11(9): 77-88.

- Maria Helena Henriques & Jose Brilha. (2017). UNESCO global geoparks: a strategy towards global understanding and sustainability. *Episodes* 40(4): 349-355
- Pasukan Kerja Geologi Warisan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Perak. (2016). Laporan awal kajian cadangan pembangunan Geopark Lembah Kinta.
- Richards, G. & Wilson, J. 2003. Today's youth travellers: Tomorrow's Global Nomads New Horizons in Independent Youth and Student Travel. A Report for the International Student Travel Confederation (ISTC) and the Association of Tourism and Leisure Education (ATLAS). *Amsterdam: International Student Travel Confederation (ISTC)*, ISBN: 90-75775-16-4
- Sophie Catherine Justice. (2018). UNESCO global geoparks, geotourism and communication of the earth sciences: a case study in the Chablais UNESCO global geopark, France. *Geosciences* 8, 149-160.
- Zurina Ahmad Saidi, Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Fatin Umaira Muhamad Azian. (2016). Pencirian pelancong belia dalam pelancongan acara semasa Tahun Melawat Malaysia 2014. *GEOGRAFIA Online TM Malaysian Journal of Society and Space*, 12(13); 107-119.